

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Ng Wei Aik (Tanjong)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat risiko yang beliau mungkin akan mengalami masalah untuk keluar negara sekiranya terdapat lebih banyak negara yang menjalankan sisasatan terhadap skandal 1MDB. Sila nyatakan negara-negara yang tidak boleh dikunjungi oleh Perdana Menteri sekiranya ada.

**JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di Pertua,

Kebelakangan ini ada usaha dibuat untuk membabitkan agensi luar negara untuk menyiasat transaksi perniagaan 1MDB oleh pihak tertentu dalam negara ini. Bagaimanapun usaha ini tidak akan menjejaskan tanggungjawab YAB Perdana Menteri yang menuntut beliau membuat lawatan ke luar negara. Usaha pihak tertentu ini sebenarnya didorong oleh kepentingan politik mereka yang bertujuan merosakkan imej YAB Perdana Menteri dan menjejaskan keyakinan Kerajaan dan pelabur asing terhadap kestabilan negara.

Sekian. Terima kasih.